



TANAMAN sukun mempunyai kelebihan jarang diserang perosak, serangga mahupun penyakit yang serius.

Penjagaan pokok sukun



Tips pertanian



bersama



Oleh **NORHAIMANSHAH ISMAIL**
Taman Pertanian Universiti
Universiti Putra Malaysia

SUKUN tergolong di dalam keluarga Moraceae dan nama saintifiknya adalah *Artocarpus atilis*. Pokok sukun berbuah sepanjang tahun, pengeluaran buah yang banyak dijangka dalam bulan April, Mei, September dan bulan Oktober.

Pokok sukun mula mengeluarkan buah selepas tiga tahun ditanam dan mencapai berat sebiji antara satu hingga tiga kilogram.

Penjagaan pokok sukun sangat mudah dan tidak mempunyai masalah serangan serangga, penyakit dan perosak yang serius.

Kaedah pembiakan pokok sukun ialah dengan menggunakan kaedah cantuman mata tunas dan kaedah pembiakan secara tut.

Kaedah cantuman mata tunas memerlukan pokok penanti terap, ranting mata tunas dari pokok baka yang terpilih, pisau cantuman dan pembalut lutsinar.

Pembiakan melalui kaedah tut dilakukan dengan cara memilih dahan atau ranting yang baik dan sihat untuk dibiak secara tut. Media pengakaran yang digunakan ialah tanah campuran atau jiffy 7.

Setelah cantuman mata tunas dan kaedah tut yang dibiak telah hidup dengan baiknya, ia perlu diberikan naungan dan penjagaan yang sempurna sebelum sesuai ditanam di kebun atau ladang.

Kandungan karbohidrat yang tinggi pada buah sukun boleh dijadikan bahan untuk menghasilkan pelbagai jenis hidangan dan amat popular dimasak dengan cara menggoreng.

Secara umumnya, buah sukun yang masak perlu digoreng dengan tepung dan biasanya dijadikan hidangan minum petang. Di samping dijadikan kuih-muih, industri hiliran seperti kerepek, cip, jem dan biskut mula mendapat pasaran di negara kita.

Minggu depan: Delima

SEGALA pertanyaan dan kemusykilan boleh diajukan ke emel: norhaimanshah@gmail.com

Sebuah buah sukun biasanya mempunyai purata berat antara satu hingga tiga kilogram.



Tip penjagaan

ANTARA tip penjagaan yang dapat dikongsi pada ruangan kali ini adalah seperti berikut:-

Pengairan

- Pokok sukun perlu disiram sekurang-kurangnya dua kali sehari dengan keperluan lapan liter sepokok.
- Ia dapat menggalakkan pertumbuhan vegetatif yang cepat dan aktif.
- Anak pokok sukun memerlukan pengairan untuk tempoh dua hingga tiga bulan selepas penanaman. Ia disebabkan akar serabut belum berfungsi sepenuhnya untuk mendapatkan air.
- Sekiranya keadaan cuaca yang panas boleh mengakibatkan pokok sukun menjadi layu, daun kekuningan dan mudah terencat.
- Untuk memberikan kelembapan pada tanah dan mengurangkan suhu pokok, adalah digalakkan meletakkan sabut kelapa dikelilingi anak pokok sebagai bahan sungkupan.

Pengawalan rumpai

- Penggunaan cangkul dapat membantu mengawal rumpai yang tumbuh dikelilingi anak pokok dan keperluan meletakkan sungkupan untuk mengawal pertumbuhan rumpai dan memudahkan kerja penyelenggaraan seperti pembajaan.
- Selain menggunakan cangkul, rumpai boleh dikawal dengan menggunakan racun kimia yang mempunyai bahan aktif paraquat atau glyphosate.

Pemilihan racun kimia bergantung kepada jenis rumpai yang tumbuh dan kesesuaian umur tanaman. Kekerapan semburan ialah tiga dan empat kali didalam setahun.

- Kaedah semburan dikelilingi anak pokok dengan kelebaran satu meter.
- Elakkan semburan dari terkena anak pokok dan pastikan mengikut arah-tiupan angin semasa kera meracun dijalankan.

Pembajaan

- Definisi pembajaan ialah menambah dan membekalkan zat makanan kepada pokok dengan kadar yang tertentu.
- Baja boleh dibahagikan kepada dua jenis, baja tumbesaran 15:15:15 dan baja buah 12:12:17:2. Penggunaan baja banyak bergantung kepada kesuburan tanah, pertumbuhan tampang dan kematangan pokok secara fizikal.

- Pokok sukun memerlukan baja tumbesaran pada peringkat awal pertumbuhannya dengan kadar 300 gram sepokok, dan tahun kedua ialah 700 gram.
- Pada tahun ketiga penanaman, baja buah NPK Biru 12:12:17:2 pula digunakan dengan kadar 1.5 kilogram sepokok.
- Kaedah pembajaan pokok sukun biasanya menggunakan sistem poket, peparit atau keliling pokok. Pastikan dikambus dengan tanah selepas ditabur dengan baja dibawah kanopi pokok.
- Pokok sukun yang sedang mengeluarkan bunga tidak digalakkan ditabur dengan baja, ini akan mengakibatkan bunga sukun menjadi kering dan gugur.
- Penggunaan baja organan dapat membantu menyuburkan tanah dan dapat menghasilkan buah yang baik dan besar.

Pemangkasan

- Pokok sukun perlu dibentuk dengan menggunakan sistem batang utama pada peringkat awal pertumbuhan dengan membiarkan dahan sisi tumbuh secara mendatar dan seimbang. Tujuan utama ialah untuk mempercepatkan pertumbuhan tampang dan penghasilan buah yang optimum.
- Pangkas tunas air yang tumbuh menegak pada dahan utama, ranting yang tidak produktif, ranting yang melepai ke tanah, dahan yang mati dan berpenyakit.
- Pangkasan atas pokok (topping) juga digalakkan apabila ketinggian pokok mencapai 7.5 meter bagi mengawal ketinggian pokok untuk mengatasi kesulitan mengambil buah dan mengelakkan buah pecah jika jatuh ke tanah.

Kawalan serangga

- Ulat pengorek batang dikenalpasti kerap menyerang pokok sukun. Kawalan yang disyorkan menggunakan racun serangga dengan bahan aktif methamidophos atau malathion.
- Ulat mengorek buah dan lalat buah pula menyerang buah sukun. Gunakan racun yang disyorkan untuk kawalan yang optimum.
- Bancuhan dan kekerapan penggunaan racun serangga hendaklah mengikut kadar yang ditetapkan pada label supaya dapat pengawalan yang terbaik.
- Persekitaran kawasan kebun hendaklah sentiasa dijaga bagi mengelakkan menjadi perumah kepada ulat dan serangga perasak.